

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TAHUN 2019**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status prestasi kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Prestasi dan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2019 adalah baik di mana kutipan hasil pada tahun 2019 adalah sebanyak RM2,320.17 juta berbanding sasaran sebanyak RM2,269.00 juta. Pencapaian ini merekodkan lebihan kutipan sebanyak RM51.17 juta atau lebihan sebanyak 2.26%. Manakala prestasi perbelanjaan mengurus adalah berjumlah RM1,225.77 juta (95.76%) daripada jumlah peruntukan mengurus sebanyak RM1,280 dan prestasi perbelanjaan pembangunan adalah RM1,312.51 juta (93.55%) daripada jumlah peruntukan pembangunan sebanyak RM1,403 juta.

Baki Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM2,141.76 juta yang terdiri dari Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM267.29 juta dan Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM 1,874.47 juta. Prestasi kutipan hasil yang memberangsangkan dan perbelanjaan yang berhemah telah berjaya mengurangkan defisit Kerajaan Negeri Selangor kepada RM218.11 juta sahaja berbanding unjuran awal defisit iaitu sebanyak RM414 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : WABAK CORONAVIRUS**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila nyatakan statistik terkini berkenaan kes wabak Coronavirus di Negeri Selangor.
  - b) Apa perancangan dan usaha Kerajaan Negeri bagi memberi kesedaran dan mengelakkan penularan wabak ini?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : STATUS TERKINI PROSES PEMUTIHAN KILANG HARAM**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini proses pemutihan kilang haram?

**JAWAPAN:**

- a) Status terkini Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor adalah seperti berikut
- i. Beberapa siri taklimat telah diadakan sebanyak sembilan (9) kali dimana sambutan daripada pemilik tanah dan pengusaha kilang amat menggalakkan. Taklimat ini telah diadakan di kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Kuala Langat, dan Majlis Daerah Hulu Selangor;
  - ii. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Peringkat Negeri Selangor telah dan akan terus diadakan pada setiap bulan bagi memantau pelaksanaan Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor;
  - iii. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Peringkat Daerah juga telah dijalankan bagi menimbang dan meluluskan permohonan mengubah kategori dan tukar syarat tanah di bawah seksyen 124(1)(a) dan (c) Kanun Tanah Negara 1965 (KTN), permohonan serah dan berimilik semula di bawah seksyen 204D KTN dan permohonan lanjut tempoh di bawah seksyen 197 dan 76 KTN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : BAIKPULIH HAY RESORT**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana tindakan Kerajaan Negeri berkenaan baik pulih Hay Resort Sabak Bernam?

**JAWAPAN:**

- a) Rumah Rehat Sabak Bernam adalah merupakan Rumah Rehat yang terdahulunya diusahakan oleh Syarikat Hay Resort & Services kini telah diserahkan pengurusannya di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil 21/2018 yang bersidang pada 18 Julai 2018 telah memutuskan pengurusan baharu Rumah Rehat Sabak Bernam dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara *Request for Proposal* (RFP). Justeru itu, UPEN diarahkan untuk menjemput syarikat-syarikat yang berminat, termasuk anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) untuk mengemukakan *Request for Proposal* (RFP) yang lengkap bagi maksud pelantikan pengurusan baharu Rumah Rehat Sabak Bernam.

Susulan daripada itu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) MMKN Bilangan 21/2018 turut memutuskan pelantikan RELA bagi mengawal selia dan memantau keselamatan Rumah Rehat Sabak Bernam. Perkhidmatan kawal selia tersebut telah disediakan daripada 1 September 2018 sehingga 18 Disember 2018. Susulan daripada itu, Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam telah melantik Pengawal dan Pembantu Penguatkuasa bermula pada 19 Disember 2018 sehingga kini bagi meneruskan perkhidmatan kawal selia dan memantau keselamatan di Rumah Rehat Sabak Bernam.
- (ii) Lawatan tapak ke Rumah Rehat Sabak Bernam sekali lagi diadakan pada 18 September 2018 yang turut dihadiri wakil daripada pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Pemodalan Negeri Selangor Berhad

(PNSB), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Sabak Bernam, pegawai Tourism Selangor Sdn Bhd dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB).

- (iii) Hasil daripada lawatan ini, Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa kerja-kerja penyelenggaraan berskala **besar diperlukan bagi maksud pembaikan struktur dan** komponen bangunan Rumah Rehat Sabak Bernam. Justeru, jangkaan kos pembaikan dan pemuliharaan bangunan dianggarkan menelan perbelanjaan yang besar.
- (iv) Susulan daripada itu juga, tindakan bagi penentuan demarkasi sempadan kompaun bangunan bagi maksud pewartaan tanah juga telah diselesaikan pada pertengahan November 2018.
- (v) Selaras dengan keputusan MMKN Bilangan 21/2018 seperti di atas, dua (2) Jawatankuasa Penilaian perlu ditubuhkan bagi maksud membantu penyediaan dokumen RFP dan menilai serta memberi maklumbalas ke atas kertas cadangan yang dikemukakan merujuk kepada Garis Panduan Perolehan Secara *Request for Proposal* diperkara 3.8.4 (d) antaranya menyebut:

*“Agensi hendaklah menu buhkan satu jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan bagi menilai semua cadangan RFP, Laporan Hasil Penilaian hendaklah dibentangkan kepada Lembaga Perolehan Agensi untuk keputusan”*

- (vi) Bagi maksud pelaksanaan RFP ini, enam (6) jabatan/agensi telah dikenalpasti untuk membantu penyediaan dokumen RFP serta membantu menilai cadangan RFP yang akan diterima daripada syarikat-syarikat yang berminat. Susulan daripada itu, seramai tujuh belas (17) pegawai telah dikenalpasti dan dicalonkan sebagai ahli Jawatankuasa Penilaian RFP Pembangunan Semula Rumah Rehat Sabak Bernam.
- (vii) UPEN juga telah mengadakan beberapa siri mesyuarat jawatankuasa teknikal dan kewangan bagi memperhalusi kaedah perancangan pembangunan RRSB dengan kaedah RFP.
- (viii) Dalam hal ini, menerusi Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negeri (MTES) pada 16 Mac 2019 turut membincangkan mengenai cadangan agar pengurusan RRSB ini disekalikan dengan pengurusan Kelong Sabak Bernam sebagai tambah nilai ekonomi untuk pembangunan RRSB tersebut. Justeru itu,

MMKN Bilangan Ke 20/2019 bertarikh 17 Julai 2019 telah bersetuju supaya :-

- a) UPEN menyemak cadangan pembangunan semula RRSB untuk dilaksanakan secara sewaan tidak melebihi tiga (3) tahun dan pulangan kepada Kerajaan Negeri Selangor secara sales turnover, dan bukan secara perkongsian keuntungan seperti dicadangkan;
  - b) Bersetuju supaya tawaran dibuka dan diiklankan secara *Request For Proposal* (RFP) daripada syarikat/pembida yang berminat dan berkelayakan. UPEN diminta menyemak dengan Menteri Besar Pemerbadanan (MBI) *business model* yang bersesuaian; dan
  - c) Sebagai alternatif, sekiranya tiada sebarang syarikat/pembida yang dapat mengemukakan *business model* sebagaimana memuaskan Kerajaan Negeri, tapak RRSB ini dicadangkan dilupuskan secara tender terbuka dan diuruskan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri (PTGS) Selangor.
- (ix) UPEN juga telah mendapatkan penilaian semasa oleh JPPH Klang pada 12 November 2019 dengan berdasarkan kadar nilai pasaran, sewaan 3 tahun dan kadar sewaan bilik penginapan mengikut hotel bertaraf 3 bintang bagi cadangan baikpulih RRSB.

Justeru, adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri supaya baikpulih Rumah Rehat Sabak Bernam (RRSB) ini dilaksanakan bersekali dengan Kelong Sabak Bernam dan seterusnya pelantikan pengurusan baharu yang sama bagi memudahkan proses perancangan dan pemantauan kedua-dua premis tersebut. Pengurusan baharu yang akan dilantik hendaklah mempunyai pengalaman dan tahap kewangan yang kukuh serta komited dalam menjayakan hasrat Kerajaan Negeri bagi pembangunan semula kedua-dua premis tersebut melalui kaedah *Request for Proposal*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : SARANG EKONOMI**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauhmanakah program Sarang Ekonomi berjaya membantu usahawan luar bandar meningkatkan pendapatan bulanan.
- b) Apakah perancangan jangka panjang pihak Kerajaan Negeri dalam membantu para Usahawan Kecil di Negeri Selangor.

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : KEKERAPAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT LAMAN WEB SSIPR DAN KERAJAAN NEGERI**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan laman web aktif Kerajaan Selangor yang memaparkan maklumat berkaitan IPR atau kebajikan warga Selangor
- b) Berapa kerapkah Kerajaan Negeri mengemaskini maklumat-maklumat berkaitan dengan program-program kebajikan di laman web yang tersenarai, terutamanya [www.ssimpr.selangor.gov.my](http://www.ssimpr.selangor.gov.my)?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : SEKOLAH RENDAH AGAMA (SRA)**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memperkuatkan dan mempertahankan lagi Sekolah Rendah Agama di Negeri Selangor dari segi kualiti silibus, kualiti guru dan infrastruktur?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Selangor telah mempunyai perancangan bagi mempertahankan Sekolah Rendah Agama di Negeri Selangor seperti berikut:

i. **Kualiti Silibus**

- Semakan semula Kurikulum Sekolah Rendah Agama (KSRA) telah bermula tahun 2018.
- Menerbitkan buku teks KSRA berwarna bagi kegunaan murid di Sekolah Rendah Agama (SRA), Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) dan KAFA Integrasi.
- Memastikan elemen adab dan nilai holistik dalam kandungan semua buku teks KSRA bagi membentuk karakter unggul dan keperibadian murid.
- Membangunkan Buku Panduan Mengajar Guru (BPMG) bagi mengekalkan momentum pengajaran dan pembelajaran guru dalam kelas.
- Melaksanakan pentaksiran bilik darjah (PBD) bagi murid tahap satu (tahun 1, 2 dan 3) mulai tahun 2019 dan tidak menekankan kepada peperiksaan.

ii. **Kualiti Guru**

- JAIS memberi ruang latihan profesionalisme pendidikan dengan kerjasama KUIS, UPSI, UTM , KOPEDA dan IAB.

- Kursus jangka pendek dan panjang berfokus kepada kemahiran pengurusan, pentadbiran dan kurikulum di bawah kendalian Institut Latihan dan Dakwah dan Institut Murabbi Antarabangsa Negeri Selangor.
- Penerapan nilai *IHES* (*Integrated Holistic Education System*) kepada semua warga pendidik bagi tujuan kemenjadian guru dan meningkatkan potensi diri.

### **iii. Infrastruktur**

- Merancang pembinaan sekolah baru di kawasan penempatan yang pesat sama ada Sekolah Rendah Agama (SRA) atau Kelas Al- Quran dan Fardhu Ain (KAFA).
- Baikpulih kerosakan bangunan sekolah berdasarkan laporan daripada pihak pengurusan sekolah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN LIM YI WEI**  
**(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : KANAK-KANAK TANPA KEWARGANEGARAAN**

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah anak tanpa kewarganegaraan di Selangor? Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam memastikan hak mereka terjaga sewajarnya?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Kampung Tunku, Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin tiada data khusus mengenai jumlah anak tanpa kewarganegaraan di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa telah mewujudkan satu program khusus iaitu Pusat Dokumen Pengenalan Diri MySel untuk membantu rakyat di Negeri Selangor yang keciciran dalam mendapatkan dokumen asas pengenalan diri termasuklah kes – kes melibatkan kewarganegaraan. Pusat ini ditubuhkan untuk membantu golongan miskin yang menetap di Negeri Selangor dalam mendapatkan dokumen – dokumen peribadi / asas / penting seperti dokumen pengenalan diri, sijil kelahiran dan kad pengenalan serta menyelesaikan permasalahan anak – anak yang tidak mempunyai surat beranak yang disebabkan oleh sindiket perkahwinan di sempadan termasuklah kegagalan ibu bapa untuk mendaftar kelahiran anak – anak mereka di atas sebab – sebab tertentu.

Ketiadaan sijil kelahiran, kad pengenalan dan dokumen – dokumen pengenalan diri di kalangan rakyat di negeri Selangor akan mengakibatkan terdapatnya anak – anak yang tidak mendapat pendidikan yang sempurna di peringkat sekolah sekaligus tidak melayakkan mereka untuk ke institusi pengajian awam mahupun swasta. Sehubungan dengan itu, permohonan yang direkodkan berjaya bagi mendapatkan dokumen asas pengenalan diri di bawah Program Pusat Dokumen Pengenalan Diri MySel sejak September 2018 sehingga kini adalah berjumlah 241 iaitu merangkumi 78 permohonan berjaya bagi mendapatkan sijil kewarganegaraan manakala 163 permohonan berjaya selebihnya adalah untuk mendapatkan Sijil Lahir, Kad Pengenalan, Kad Pengenalan Merah, Dokumen Anak Angkat serta Kad Orang Kelainan Upaya (OKU).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : BANTUAN CSR MBI**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pengurusan MBI berhasrat untuk menyelaraskan syarat-syarat penerimaan bantuan CSR MBI seperti hadiah menunaikan umrah sama seperti syarat IPR kerajaan negeri lain?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR**  
**(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : SISTEM PERTUKARAN KAKITANGAN PBT**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Kerajaan Negeri ingin melaksanakan sistem pertukaran kakitangan antara PBT di seluruh Negeri Selangor supaya prestasi mereka dapat dipertingkatkan dan berdaya saing?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa ini, urusan perlantikan pengurusan atasan PBT iaitu Datuk Bandar, Yang Dipertua, Timbalan Datuk Bandar, Timbalan Yang Dipertua dan Setiausaha adalah berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) melalui kelulusan Pihak Berkuasa Negeri iaitu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008 (PP12/2008) – Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap.

Peminjaman atau pertukaran sementara adalah merupakan salah satu daripada kaedah pelantikan pegawai sedang berkhidmat yang boleh digunakan oleh sebuah agensi untuk mendapatkan perkhidmatan pegawai yang berpengalaman, berkemahiran, berwibawa dan bersesuaian dengan keperluan agensi berkenaan bagi mengisi jawatan terbuka atau tertutup.

Secara dasarnya, Kerajaan Negeri tidak menetapkan sebarang mekanisma atau jadual bagi melaksanakan pertukaran kakitangan antara PBT diseluruh Negeri Selangor dan ia adalah tertakluk kepada keperluan semasa selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa.

Untuk makluman juga, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang meneliti dan mengkaji kebolehlaksanaan cadangan mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (SPPBT). Sekiranya penubuhan SPPBT ini dilaksanakan, kakitangan antara PBT di seluruh Negeri Selangor dijangka boleh dilaksanakan sekali gus dapat memberi peluang kemajuan kerjaya kepada pegawai dan kakitangan PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : SKIM AIR DARUL EHSAN**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah permohonan skim air tersebut selepas ia ditutup pada 31 Disember 2019?
- b) Adakah permohonan skim tersebut dibuka lagi selepas ini dan proses rayuan dibenarkan sekiranya permohonan ditolak?
- c) Berapakah anggaran perbelanjaan Kerajaan Negeri untuk membiayai pelaksanaan skim tersebut?

**JAWAPAN:**

Soalan Skim Air Darul Ehsan (SADE) dijawab bersekali dengan soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Sungai Burong (Soalan No. 51), Yang Berhormat Sijangkang (Soalan No. 82), Yang Berhormat Bandar Utama (Soalan No. 204), Yang Berhormat Pandamaran (Soalan No. 248), Yang Berhormat Sungai Panjang Soalan No. 275) dan Yang Berhormat Hulu Bernam (Soalan No. 284).

Yang Berhormat semuanya berminat untuk mengetahui status bilangan pengguna yang telah mendaftar untuk SADE. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan rakyat Negeri Selangor yang mendapat air percuma di bawah SADE dianggarkan sejumlah 250,000 akaun (190,000 akaun pengguna meter individu dan kira-kira 60,000 akaun pengguna rumah pangsa kos rendah dalam kategori meter pukal). Terdapat sebanyak 25,795 permohonan gagal kerana pemohon tidak memenuhi kelayakan yang ditetapkan, iaitu terdiri dari mereka yang mempunyai pendapatan lebih dari RM4,000.00, premis di luar Selangor dan mempunyai akaun air bukan domestik.

Semakan keputusan SADE boleh dibuat melalui Portal Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) dengan menggunakan login & password yang didaftarkan ketika membuat pendaftaran dahulu bermula pada 16 Mac 2020. Pada masa yang sama, pemakluman kepada pengguna akan dibuat menerusi email dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

Yang Berhormat Bandar Utama bertanyakan mengenai tarikh pendaftaran baru kepada pemohon yang layak untuk mendaftarkan diri di bawah Skim Air Darul Ehsan. Kerajaan Negeri telah bersetuju pendaftaran baru dibuka semula bermula pada 01 April 2020 dan sekiranya pemohon ini memenuhi semua syarat, ia akan layak menikmati air percuma mulai pada 01 September 2020.

Yang Berhormat Sungai Panjang, Yang Berhormat Sungai Burong dan Yang Berhormat Hulu Bernam bertanyakan berapa anggaran perbelanjaan Kerajaan Negeri di dalam membiayai SADE. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1,812,421,674.67 bagi menampung pembiayaan Program Pemberian Air Percuma 20-meter padu semenjak Jun 2008 hingga Disember 2019. Jumlah pembiayaan Kerajaan Negeri di bawah Skim Air Darul Ehsan ini dianggarkan akan berkurangan dari RM180 juta setahun kepada RM35 juta setahun berdasarkan kepada anggaran 250,000 jumlah permohon yang telah berjaya mendapat SADE.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PRESTASI PELABURAN NEGERI SELANGOR**

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prestasi dan status pelaburan di Negeri Selangor berikutan daripada kemunculan virus Coronavirus?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai pelan jangkamasa pendek dan panjang sekiranya virus tersebut tidak dapat diatasi dalam masa terdekat?

**JAWAPAN:**

- a) Prestasi sektor pelaburan di negeri Selangor terus menunjukkan angka yang memberangsangkan. Statistik terkini menunjukkan negeri Selangor mengekalkan reputasi sebagai negeri pilihan utama pelabur di negara ini apabila merekodkan pelaburan RM16.4 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama 2019, iaitu dua kali ganda berbanding tempoh masa sama pada tahun 2018 yang hanya mencatatkan sebanyak RM8.3 bilion mengikut sumber yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Walau pun dunia dikejutkan dengan penularan wabak Coronavirus, namun Kerajaan Negeri tetap optimis dapat mencapai sasaran pelaburan sebanyak RM12 bilion pada tahun ini. Jangkaan awal adalah wabak ini berpotensi untuk memberi kesan terhadap pelaburan asing ke Negeri Selangor. Namun begitu, kesan langsung Coronavirus terhadap prestasi dan status pelaburan di Negeri Selangor pada masa ini agak sukar untuk dinilai kerana penularan wabak tersebut masih di peringkat awal dan kesannya masih belum dapat diukur dalam tempoh ini. Semakan akan dibuat dalam tempoh dua bulan lagi dan Kerajaan Negeri tidak menolak sekiranya berlaku penyusutan pada nilai pelaburan itu memandangkan masalah ini bukan sahaja dihadapi di Selangor malah seluruh dunia.
- b) Setakat ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk menyediakan sebarang pelan tindakan bagi mengatasi masalah berkaitan virus ini memandangkan di peringkat Kerajaan Pusat tindakan telah diambil iaitu dengan melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi. Kerajaan Negeri akan menyokong sepenuhnya pendekatan yang telah digariskan di dalam pakej tersebut untuk tidak ketinggalan dalam

mengambil peluang yang tersedia. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri berkemungkinan akan menyusun semula strategi pelaburan 2020 bergantung kepada impak Covid-19 terhadap ekonomi negeri.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri komited untuk mempertingkatkan usaha gigih disulami dengan permuafakatan antara kaum yang erat serta semangat kerjasama kukuh dan dedikasi untuk menjadikan Selangor lebih sejahtera, aman, makmur dan lebih bersedia menangani semua cabaran ekonomi masa hadapan. Kerajaan Negeri akan mengkaji keperluan untuk memperhalusi perancangan-perancangan yang berisiko dengan keadaan dan situasi ini dari semasa ke semasa dalam memastikan rakyat dapat menikmati taraf hidup serta ekonomi lebih baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : GANGGUAN AIR**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bersetuju untuk gazetkan semua bahagian hulu sungai LRA untuk menghalang aktiviti yang memerlukan discaj ke dalam sungai?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bersetuju untuk mengenakan 'development levy' atas sebahagian peratus kepada bil air untuk memantapkan infrastruktur kecemasan air?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi tujuan melindungi sungai dari sebarang gangguan kualiti, kuantiti, struktur dan persekitaran fizikalnya, Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah memperuntukkan mengenai Perizaban sungai sebagai Zon Pelindungan. Lanjutan dari itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 22/2008 yang diadakan pada 6 Ogos 2008 telah membuat ketetapan supaya rizab sungai di Negeri Selangor iaitu Sungai Klang, Sungai Selangor, Sungai Langat, Sungai Buloh, Sungai Bernam, Sungai Sepang dan Sungai Tengi diwartakan untuk mengawal aktiviti di sepanjang sungai dan rizabnya seterusnya dapat menghalang dan mengurangkan aktiviti yang menyebabkan discaj ke dalam sungai yang boleh memberi kesan kepada 34 Loji Rawatan Air di Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), telah mengambil tindakan secara berperingkat-peringkat mewartakan kesemua sungai berserta rizab sungai 50 meter kiri dan 50 meter kanan dari tebing sungai di Negeri Selangor meliputi kawasan hulu sungai hingga ke hilir sungai rizab sungai bermula dari tahun 2010. Status pengazetan sehingga Februari 2020 adalah sebanyak 412 cabang sungai di Negeri Selangor telahpun mempunyai pelan ukur demarkasi yang disediakan Jurukur Tanah Berlesen dan pelan-pelan ini akan dikemukakan kepada JUPEM Selangor untuk semakan dan pengesahan untuk penerbitan Pelan Warta dan seterusnya akan diangkat kepada Kerajaan Negeri untuk Warta Negeri.

- b) Apa-apa caj yang dikenakan oleh Air Selangor adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Perkhidmatan Air, 2006 (“Akta IPA”) dan di kawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (“SPAN”). Salah satu caj yang dibenarkan di bawah peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa adalah Caj Sumbangan Modal (*Capital Contribution*) iaitu caj yang dikenakan ke atas pemaju-pemaju hartanah untuk membiayai kerja-kerja memajukan *sourceworks* (empangan, loji rawatan air dan sebagainya) serta menaik taraf sistem bekalan air dan tangki air.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PROGRAM KASIH IBU SMART SELANGOR**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Setelah program ini dibuka kembali, berapa permohonan yang telah diluluskan?
  - b) Nyatakan jumlah kelulusan mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri.
  - c) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambah peruntukan bagi membolehkan ramai lagi peserta dapat dibantu?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN WONG SIEW KI**  
**(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PROJEK RUMAH MAMPU MILIK**

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kebanyakan rumah mampu milik dibina sebagai "service apartment", walaupun harga rumah dikawal tetapi cukai petak adalah tinggi disebabkan status tanah adalah dibawah kategori komersial. Apakah usaha akan dilakukan demi mengurangkan beban pembeli-pembeli sedangkan kebanyakan mereka merupakan golongan B40?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Balakong dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan yang lain, Pangsapuri Perkhidmatan atau *Service Apartment* dibangunkan dan dibina mengikut syarat dan zon perniagaan. Kebanyakan pembangunan *Service Apartment* ini terletak di lokasi-lokasi tumpuan di sekitar metropolitan Selangor. Justeru itu, unit-unit service apartment ini dijual dengan harga yang tinggi dan tidak mungkin golongan B40 dapat memilikinya. Walau bagaimanapun kebanyakan kediaman mampu milik yang dimiliki oleh golongan B40 ini adalah di dalam pembangunan kediaman keseluruhan ataupun pembangunan bercampur yang mempunyai unit kediaman dan perniagaan di dalam satu skim pembangunan. Selepas pelaksanaan cukai petak oleh kerajaan negeri, unit-unit kediaman ini menerima kadar cukai petak yang lebih adil. Ini adalah salah satu usaha dan langkah rasionalisasi cukai oleh kerajaan negeri di mana petak kediaman menerima kadar kediaman dan petak perniagaan menerima kadar cukai perniagaan. Ini berbeza sebelum pelaksanaan cukai petak di mana semua unit dikenakan kadar cukai perniagaan tidak mengira sama ada unit tersebut perniagaan atau kediaman, sekaligus menimbulkan ketidakadilan semasa membayar caruman cukai tanah kepada Perbadanan Pengurusan sebelum ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT**  
**(N14 RAWANG)**

**TAJUK : VIRUS CORONA**

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah impak Virus Corona terhadap Ekonomi Selangor dan Sektor Pelancongan Selangor?
- b) Apakah tindakan yang kerajaan ambil untuk menghadapi impak ini?

**JAWAPAN:**

- a) Antara impak serta merta terhadap ekonomi akibat penularan COVID-19 di peringkat serantau adalah penurunan kedatangan pelancong. Kesan yang lebih ketara turut membabitkan hotel, penerbangan, syarikat pelancongan dan ke atas industri peruncitan secara meluas. Walau bagaimanapun, di peringkat negeri, impak tersebut masih tidak ketara. Dari sudut positif, pelabur kini dilihat beralih arah dengan mendekati negara-negara Asia Tenggara termasuk Selangor untuk membuat pelaburan baharu. Perkembangan itu secara tidak langsung membuka mata pelabur dunia yang hanya memilih China untuk menjadi pengilang utama sejak 10 tahun lalu. Negeri Selangor mendapat sedikit kelebihan yang menyaksikan pelabur sektor perubatan dan farmaseutikal mula mencari peluang di Selangor ekoran penularan wabak tersebut. Dasar Kerajaan Negeri yang mesra pelabur dan kemudahan infrastruktur berkualiti tinggi antara faktor yang menarik pelabur untuk menjadikan Selangor destinasi pilihan.

Sektor pelancongan negeri Selangor berkemungkinan menghadapi kesan langsung akibat penularan wabak ini. Namun begitu, kesan fenomena ini tidak dapat dipastikan pada masa ini dan agak sukar untuk dinilai kerana penularan wabak tersebut masih di peringkat awal dan kesannya masih belum dapat diukur dalam tempoh ini.

- b) Kerajaan Negeri berkemungkinan akan menyusun semula strategi pelaburan 2020 bergantung kepada impak Covid-19 terhadap ekonomi negeri. Semakan akan dibuat dalam tempoh dua bulan lagi memandangkan Selangor menyasarkan pelaburan bernilai RM12 bilion pada tahun ini. Kerajaan Negeri tidak menolak

sekiranya berlaku penyusutan pada nilai pelaburan itu memandangkan masalah ini bukan sahaja dihadapi di negeri Selangor malah seluruh dunia namun optimis sasaran tersebut dapat dicapai.

Bagi merancakkan sektor pelancongan, negeri Selangor akan menyertai beberapa ekspo pelancongan antarabangsa terbesar sepanjang tahun ini sebagai landasan terbaik bagi mempromosi pelancong ke negeri ini dalam usaha untuk mencapai sasaran lapan juta pelancong. Kerajaan Negeri turut akan melaksanakan Program Jelajah Persona Selangor 2020 khusus untuk meningkatkan kehadiran pelancong domestik dan menyasarkan perolehan RM15 bilion sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri komited untuk mempertingkatkan usaha gigih disulami dengan permuafakatan antara kaum yang erat serta semangat kerjasama kukuh dan dedikasi untuk menjadikan Selangor lebih sejahtera, aman, makmur dan lebih bersedia menangani semua cabaran ekonomi masa hadapan. Kerajaan Negeri akan mengkaji keperluan untuk memperhalusi perancangan-perancangan yang berisiko dengan keadaan dan situasi ini dari semasa ke semasa dalam memastikan rakyat dapat menikmati taraf hidup serta ekonomi lebih baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH  
(N28 SERI KEMBANGAN)**

**TAJUK : KESESAKAN DI KAWASAN PERSIMPANGAN SG BESI EXPRESSWAY E9  
DAN LEBUHRAYA SILK E18**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menyelesaikan isu kesesakan di kawasan Persimpangan Sg Besi Expressway E9 dan Lebuhraya SILK E18?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE**  
**(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : DASAR DAN POLISI MEMBENARKAN WARGA ASING MENJALANKAN  
PERNIAGAAN KECIL/ SEDERHANA DALAM NEGERI**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Selangor untuk membenarkan warga asing menjalankan perniagaan kecil / sederhana dalam Negeri?
- b) Apakah dasar dan garis panduan Kerajaan Selangor untuk meluluskan lesen perniagaan yang dijalankan oleh warga asing atas nama syarikat yang mempunyai pengarah warganegara Malaysia?

**JAWAPAN:**

- a) Semua PBT di Negeri Selangor pada masa ini tidak mengeluarkan lesen/ permit penjaja kepada warga asing dan dalam masa yang sama Kerajaan Negeri juga tidak berhasrat untuk membenarkan warga asing ini menjalankan perniagaan kecil.
- b) Kerajaan Negeri tiada halangan terhadap PBT untuk menyokong permohonan lesen perniagaan warga asing atas nama syarikat yang mempunyai Pengarah warganegara Malaysia yang didaftarkan dalam SSM melalui syarikat Sdn Bhd. dengan syarat pemegang / penama lesen warga asing tersebut telah mempunyai visa dagang / visa sebagai pegawai dagang di atas nama syarikat yang terpakai seperti mana yang tertakluk di dalam syarat permohonan lesen perniagaan dan iklan PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : SMUE**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Kerajaan Negeri akan menyusun kembali senarai penerima baucer Jom Shopping SMUE mengikut persempadan DUN semasa?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi pendaftaran baru program skim mesra usia emas (SMUE), pihak YAWAS hanya menerima dan memproses permohonan yang diterima daripada Pusat Khidmat DUN dan merujuk kepada cop pengesahan DUN yang telah menghantar permohonan terbabit. Ini kerana PKM DUN yang dipilih oleh pemohon tersebut berkemungkinan berhampiran dengan kawasan tempat tinggal pemohon.

Untuk pendaftaran yang lama, data di dalam sistem akan dikekalkan melainkan ahli SMUE atau PKM DUN memberikan surat memohon pertukaran DUN kepada pihak YAWAS. Tindakan ini dibuat adalah bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan dengan pendaftaran yang dibuat sebelum ini.

Pihak YAWAS telah mengambil inisiatif untuk menyelaraskan dengan pihak Suruhanjaya Pilihan Raya(SPR) sebelum ini, tetapi format alamat daftar pengundi dan format data alamat SMUE adalah berbeza.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : BANGUNAN PLAZA PERANGSANG**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk merancakkan semula aktiviti ekonomi di premis Plaza Perangsang yang dilaporkan merosot sejak penutupan operasi Quality Hotel pada 2014?

**JAWAPAN:**